

TERMA DAN SYARAT PERADUAN BELI & MENANG, RAYA GEMBIRA BERSAMA RASA ENAK

1. PENGANJUR DAN KELAYAKAN

- a) Peraduan “Beli & Menang, Raya Gembira Bersama Rasa Enak” (“Peraduan”) dianjurkan oleh Rasa Mulia Sdn Bhd (“Penganjur”) bersama Eco Shop (“Penganjur Bersama”) dan Innochef (“Penaja”).
- b) Peraduan ini terbuka kepada semua Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas (pada tarikh penyertaan peraduan ini). Sekiranya Peserta berumur di bawah 18 tahun pada tarikh penyertaan, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/ penjaganya sebelum menyertai Peraduan ini dan apabila diminta oleh Penganjur, hendaklah mengemukakan kebenaran tersebut.
- c) Mereka yang berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:-
 - Para pekerja Penganjur (termasuklah anggota bersekutunya dan/atau syarikat yang berkaitan) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik termasuk pasangan mereka); dan/atau
 - Wakil, pekerja dan/atau agen pengiklanan dan/atau penyedia perkhidmatan promosi bagi Penganjur (termasuklah anggota bersekutunya dan/atau syarikat syarikat yang berkaitan) dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak, ibu bapa, adik-beradik termasuk pasangan mereka).

2. TEMPOH PERADUAN

- a) Peraduan ini bermula jam 00:00:01 pada 1hb Mac 2022 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30hb April 2022 (“Tempoh Peraduan”).
- b) Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan tempoh peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Penyertaan yang diterima di luar daripada tempoh peraduan akan terbatal secara automatik tanpa notis lanjut.
- c) Penganjur berhak mengubah, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Peraduan jika Penganjur tidak menerima bilangan penyertaan yang cukup atau jika Peraduan tidak dapat diteruskan atas apa jua sebab.
- d) Peserta bersetuju bahawa peserta tidak berhak atau tidak akan membangkitkan apa-apa tuntutan terhadap Penganjur oleh sebab penamatan atau penggantungan tersebut.

3. CARA- CARA PENYERTAAN

- a) Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Peserta yang layak perlu melakukan perkara-perkara seperti yang berikut semasa tempoh peraduan:

- i. **Beli 3 pek produk Rasa Enak Santan 200ml dalam satu (1) Resit Rasmi Kedai Eco. Resit Rasmi kedai mesti dicetak dengan jelas jenama produk Rasa Enak Santan 200ml yang bertarikh dalam Tempoh Peraduan.**
- ii. **Imbas Kod QR yang disediakan dan jawab 1 soalan mudah.**
- iii. **Lengkapkan maklumat yang dipaparkan. Muat naik gambar resit dan klik hantar.**

b) **Bukti Pembelian**

- Resit pembelian rasmi Produk Rasa Enak Santan 200ml daripada mana-mana cawangan Eco Shop yang mengambil bahagian dalam Tempoh Peraduan.
- Satu (1) Resit Rasmi adalah bersamaan dengan satu (1) penyertaan peraduan.
- Hanya resit pembelian bercetak yang sah bertarikh dalam Tempoh Peraduan dengan nama outlet Eco Shop yang jelas dan butiran Produk Rasa Enak Santan 200ml akan diterima.
- Peserta dikehendaki mengambil gambar resit yang jelas untuk dihantar dan menyimpan resit asal untuk pengesahan.
- Sebarang resit yang sukar dibaca, telah diubahsuai, tidak lengkap, tidak diperoleh secara sah, mengandungi kesilapan percetakan, mekanikal atau lain-lain atau cetakan tidak jelas atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Penganjur mempunyai budi bicara dan hak mutlak untuk membatalkan kelayakan resit yang tidak sah tersebut.
- Salinan resit pembelian dan resit pembelian cetak semula tidak akan diterima.
- Resit manual/tulisan tangan tidak akan diterima.
- Tiada pengakuan penerimaan atau penyertaan akan dihantar oleh Penganjur untuk penyertaan yang diterima.

4. HADIAH DAN PROSES PEMILIHAN PEMENANG

a) **Berikut adalah hadiah untuk dimenangi oleh para peserta**

- i. **Hadiah Utama : Innochef Touch (All in one cooker) bernilai RM 6,888 x 1 unit**
- ii. **Hadiah kedua : Innochef Airfryer bernilai RM 1,288 x 3 unit**
- iii. **Hadiah Saguhati : Hamper Rasa Enak bernilai RM 80 x 8 unit**

b) **Visual Hadiah yang dipamerkan dalam mana-mana iklan, publisiti promosi dan bahan lain yang berkaitan dengan peraduan ini adalah tujuan ilustrasi sahaja dan tidak boleh menggambarkan hadiah yang sebenar.**

c) **Hadiah-hadiah dibekalkan oleh penaja. Pihak penganjur tidak menjamin kualiti hadiah dan tidak akan memberi sebarang jaminan atau komitmen ke atas hadiah-hadiah.**

d) **Semua penyertaan yang layak akan melalui satu pemilihan rawak janaan komputer untuk pemilihan pemenang. Pemenang akan dihubungi melalui telefon dengan maksima tiga [3] kali cubaan. Jika pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga [3] kali cubaan, pemenang**

baru akan dipilih. Pemenang untuk peraduan ini akan diumumkan di facebook dan Instagram rasmi penganjur dan penganjur bersama selepas Peraduan tamat.

- e) Pihak Penganjur berhak untuk menentukan, mengubah atau melanjutkan pengumuman pemenang tanpa memberi sebarang notis.
- f) Pihak penganjur berhak di atas budi bicara mutlakanya, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik dan akan diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan tunai, kredit dan barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya
- g) Semua pemenang mestilah mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur dan/atau pihak yang menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada. Hadiah yang hilang dan/ atau rosak semasa proses penghantaran dan/ atau semasa penebusan hadiah tidak akan digantikan dan pihak penganjur menafikan sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripadanya dan kewajiban untuk menggantikan hadiah yang hilang dan/ atau rosak.
- h) Keputusan pihak penganjur adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- i) Semua hadiah-hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga [2] bulan dari tarikh pengumuman senarai pemenang. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.
- j) Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

5. TERMA TAMBAHAN

- a) Pihak penganjur berhak meminta MyKad daripada pemenang bagi tujuan pengesahan semasa proses penebusan hadiah. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kemenangan penyertaan tersebut akan dibatalkan.
- b) Pemenang yang berumur 18 tahun kebawah hendaklah diiringi oleh ibu/bapa atau penjaga sah semasa tuntutan hadiah.
- c) Semua penyertaan akan menjadi hak milik pihak penganjur dan para peserta tidak akan menuntut, menggunakan atau mengeksploitasi penyertaan tersebut bagi sebarang tujuan dengan apa-apa cara pada bila-bila masa.
- d) Dengan menyertai peraduan ini, para peserta bersetuju bahawa pihak penganjur berhak untuk menerbitkan, menggunakan nama dan/atau gambar para peserta dan/atau para pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti tanpa memberi bayaran atau notis terlebih dahulu dan seterusnya bersetuju bahawa para peserta

dan/atau para pemenang mengenyepikan semua hak yang berkaitan dengan gambar yang mereka telah sertakan untuk peraduan ini. Para peserta tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk pampasan terhadap bahan-bahan tersebut.

- e) Pihak penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, apa-apa promosi, aktiviti atau peraduan yang dianjurkan oleh pihak penganjur.
- f) Sekiranya pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil pemenang hendaklah membawa surat kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang berserta salinan MyKad pemenang.
- g) Sekiranya pemenang bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi wakil pemenang, pemenang mengakui bahawa pemenang telah mendapatkan persetujuan daripada wakil tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada pihak penganjur dan untuk dihubungi oleh penganjur.
- h) Pihak penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana peserta yang didapati telah mengusik proses penyertaan atau operasi peraduan atau telah bertindak melanggar atau berpotensi untuk melanggar Terma dan Syarat peraduan.

6. NOTIS PRIVASI

- a) Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Terma dan syarat, dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur adalah muktamad. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, meminda, menambah atau memotong mana-mana Terma & Syarat-syarat tanpa notis pemberitahuan pada bila-bila masa dan para peserta adalah terikat pada perubahan sebegini.